

Bukan Belanjawan pancing undi: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengurangan dan penghapusan cukai dalam Belanjawan 1995 bukan memancing undi menjelang pilihan raya tetapi amalan kerajaan membalas budi rakyat memilih Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan bertujuan menarik hati rakyat tetapi ia dilakukan kerana kerajaan tahu tanggungjawabnya kepada rakyat yang memilih BN.

"Kita dipilih oleh rakyat dan tidak ada sebab kita mendera rakyat (melalui belanjawan yang dipenuhi dengan kenaikan cukai)," katanya apabila berkali-kali diaju dengan soalan sama ada Belanjawan 1995 adalah "Belanjawan Pilihan Raya".

"Memang benar kita mengadakan pengurangan cukai hampir setiap tahun. Kalau kita semak balik dalam belanjawan lalu, semuanya telah kurangkan cukai.

"Jadi jangan fikir kita hendak kurangkan cukai (kali ini) hanya kerana ada pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 1995 oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, hari ini.

Ditanya sama ada beliau akan mengumumkan pembubaran Parlimen tidak lama lagi, selepas Belanjawan itu dibentangkan, Dr Mahathir berkata: "Saya ada cukup setahun lagi untuk memubarkan Parlimen. Bilabila masa pun boleh."

Mengenai jadual rasmi beliau yang ketat sepanjang

Oktober dan November ini, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak menjadi masalah kerana beliau boleh membatalkan semua temu janji yang diatur dan berada di dalam negeri untuk menghadapi pilihan raya.

Sambil menyifatkan strategi percukaian kerajaan sebagai warisan penjajahan British, Perdana Menteri berkata, tujuan percukaian diwujudkan untuk menguruskan kewangan supaya tidak membebankan rakyat, tetapi menjamin pertumbuhan ekonomi.

"Kadang-kadang cukai yang dicipta di zaman British tidak ada asas sama sekali," katanya.

Dr Mahathir berkata, belanjawan negara bagaimanapun dibentangkan untuk menarik hati rakyat kerana kerajaan dipilih oleh rakyat.

Menurutnya, adalah lebih baik cukai yang tidak berfaedah itu dihapuskan terus kerana kadangkala proses untuk mengutipnya menimbulkan banyak masalah.

Ditanya sama ada langkah penurunan cukai itu boleh membantu membanding inflasi dan mengawal kenaikan harga barangan, Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab harga barangan akan naik berikutan pengurangan pelbagai bentuk cukai itu.

Menurutnya, kerajaan juga yakin akan dapat mengawal kadar inflasi pada paras yang minimum dan tidak akan meningkat.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

akan mengawasi segala perkembangan terutama memastikan peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya terutama apabila kerajaan mengumumkan bayaran bonus sebulan gaji kepada pekerja membatalkan RM1 bilion.

Ditanya mengenai sikap rakyat yang mungkin mengambil mudah berikutan pencapaian pesat ekonomi negara termasuk pertumbuhan ekonomi lebih lapan peratus selama tujuh tahun berturut-turut, beliau berkata, kerajaan memang khuatir dengan perkembangan itu.

Menurutnya, peningkatan gaji mesti diiringi dengan peningkatan produktiviti.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menegur sikap sesetengah pekerja baru seperti jurutera yang menuntut gaji yang tinggi walaupun tidak mempunyai pengalaman berbanding jurutera yang sudah lama bekerja.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, kerajaan bagaimanapun akan membuat semakan gaji bagi kakitangan kerajaan yang dilakukan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mengenai bayaran bonus kepada kakitangan kerajaan, beliau berkata bayaran itu akan dibuat secepat mungkin bagi mengurangkan bebanan pekerja terutama membuat persiapan untuk anak-anak ke sekolah.

Ditanya insentif untuk sektor sukan, Dr Mahathir berkata, langkah itu adalah sebagai persiapan bagi menghadapi Sukan Komanwel 1998, di sini.